



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/57 Jld. 7 (9)
Tarikh : 10 Mei 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR
GRED N32 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2019/2020**

Dengan segala hormatnya saya diarahkan untuk merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam proses persediaan pengisian jawatan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N32 bagi tahun 2019/2020. Sehubungan dengan ini, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan dimohon untuk mengemukakan maklumat PPT Gred N29 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti yang berikut:

- 2.1 Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 2.2 Dilantik kali pertama dalam Perkhidmatan Gunasama Persekutuan sebagai PPT Gred N29 **pada 31 Disember 2011 dan sebelum;**
- 2.3 Tidak hilang kekananan sehingga menyebabkan tarikh lantikan ke Gred N29 berubah ke tarikh 1 Januari 2012 dan seterusnya;
- 2.4 Markah wajaran LNPT bagi tiga tahun terkini (2016, 2017 dan 2018) tidak kurang daripada 80%;
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;

...2/



2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan

2.9 Diperakukan oleh Ketua Jabatan.

3. Semua permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan **Lampiran A**, **Lampiran B** dan **Lampiran C** seperti yang disertakan. Bagi calon-calon yang telah diperakukan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) Bilangan 4 Tahun 2018 bertarikh 19 Disember 2018 dan masih dalam tempoh sah laku semasa iklan ini dikeluarkan yang memenuhi syarat seperti perenggan 2 perlu mengemukakan semula permohonan baharu untuk dipertimbangkan dalam LKPPA.

4. Kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan dimohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai daripada kementerian/jabatan/agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan, JPA **sebelum atau pada 17 Julai 2019** di alamat berikut:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri)

5. Dimaklumkan bahawa menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), kementerian/jabatan/agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk **memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti yang dinyatakan dalam **perenggan 2 dikemukakan kepada JPA**. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM akan menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- | | | | |
|-----|---|---|--------------|
| i. | Puan Yusleli binti Hj. Mohd Yunos
(e-mel : yusleli.yunos@jpa.gov.my) | - | 03-8885 4351 |
| ii. | Puan Rubi binti Mohd Shah
(e-mel : rubi.shah@jpa.gov.my) | - | 03-8885 4949 |

Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)

Timbalan Pengarah

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Malaysia

☎ : 03-8885 4110

✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my